



## Pendahuluan

Nilai adalah merupakan satu konsep yang abstrak dan relatif. Ianya dikatakan abstrak kerana sukar diukur dan digambarkan. Seterusnya ia juga merupakan satu konsep yang relatif kerana sesuatu yang dinilai tinggi dalam sesuatu masyarakat, tidak pula bernilai tinggi dalam masyarakat lain. Tiap-tiap masyarakat mempunyai nilai hidupnya yang tersendiri. Nilai-nilai ini diteruskan daripada satu generasi ke satu generasi yang lain dan diturunkan melalui proses sosialisasi dan pembelajaran.

## Definisi Nilai

Orang-orang Barat setiap tahun pergi melancong setelah bekerja kuat selama setahun kerana mereka percaya bahawa seseorang itu perlu berehat. Orang-orang Melayu pula cuba mengumpulkan wang supaya dapat pergi ke Mekah untuk menunaikan fardu haji. Satu masyarakat suka melancong untuk berehat sambil mendapat sedikit pengetahuan secara langsung dan satu lagi masyarakat meletakkan nilainya pada agama. Nilai ialah tujuan-tujuan tindakan sosial yang berharga dan penting dalam sesuatu masyarakat. Harga sesuatu barang itu mahal kerana ia amat diperlukan atau amat digemari oleh anggota masyarakatnya, tetapi kemungkinannya di pasar lain barang yang sama rendah sahaja harganya, kerana tidak ramai yang memerlukannya dan tidak ramai yang menggemarinya. Anggota masyarakat itu sendirilah yang memberikan nilai kepada sesuatu hal atau tindakan-tindakan sosial. Sesuatu yang penting bukanlah pula bererti ia berfungsi. Semua masyarakat mempunyai sikap dan nilai yang tertentu berhubung dengan hubungan manusia dengan manusia lain, dengan alam sekitarnya, dengan masa dan dengan aktivitinya.

Sebagai aspek penting dalam masyarakat nilai-nilai ditanamkan daripada masa kanak-kanak lagi melalui proses sosialisasi. Apabila kanak-kanak itu mula bersekolah, mereka terus



disemaiakan dengan nilai-nilai masyarakat sekitarnya. Di samping itu mereka juga mungkin diperkenalkan dengan beberapa aspek nilai sejagat (universal values) yang diharap kemudian mereka dapat hidup bersama-sama dengan anggota masyarakat di dunia yang lebih luas dengan kebudayaan yang pelbagai.

### **Persamaan dan Perbezaan Nilai**

Apakah perlunya kita mengetahui sistem nilai masyarakat lain, sedangkan kita mengetahui bahawa nilai itu adalah relatif sifatnya?

Dalam masyarakat yang terdiri dari berbagai kaum proses pembangunan kemahiran, mental dan fizikal – susah untuk dicapai sepenuhnya tanpa menyedari latarbelakang kebudayaan yang berbagai-bagai itu dan sistem nilai yang berlainan. Mungkin golongan Cina lebih pantas menerima unsur-unsur pembangunan kebendaan kerana sistem nilainya memberikan penghargaan yang tinggi kepada unsure pembangunan seumpama itu. Mungkin ada masyarakat yang memberikan nilai yang tinggi terhadap pendidikan oleh sebab itu ahli-ahlinya menumpukan banyak masa, wang dan tenaga ke arah itu. Ada pula masyarakat yang memberi nilai yang tinggi kepada agama, maka mereka memberikan tumpuan ke arah itu.

Kegagalan dan kejayaan kanak-kanak di sekolah tidak boleh dikaitkan dengan faktor-faktor alam sekitar sahaja tetapi ada juga kaitannya dengan sistem nilai. Contohnya kita sering bertemu dengan masalah anak-anak Melayu, pada suatu ketika dahulu tidak berani menjawab soalan guru di bilik darjah Mengapa mereka takut bertanya dan menyoal guru? Pada umumnya anak-anak Melayu itu diajar supaya menghormati orang yang lebih tua dari mereka. Guru biasanya bukan sahaja lebih tua tetapi lebih mengetahui daripada mereka. Kanak-kanak sekolah dianggap kurang ajar sekiranya berani berhujah dengan guru dan berani menyoal pendapatnya.



Menghormati orang tua memang telah menjadi nilai dalam masyarakat di Malaysia. Masyarakat Malaysia menghormati pandangan, nasihat dan tunjuk ajar orang-orang tua mereka, tetapi mengapakah anak-anak Cina dan India lebih berani mengemukakan soalan kepada orang yang lebih dihormati? Untuk menjawabnya kita boleh melihat latarbelakang masyarakat ini. Telah diketahui umum kebanyakkan orang Cina tinggal di bandar sebagai ahli perniagaan. Mereka mempunyai cara hidup yang berlainan daripada pada masyarakat desa. Sifat-sifat di bandar ini lebih terbuka kepada persaingan. Oleh sebab itu menyebabkan mereka lebih aktif dan agresif. Nilai-seumpama ini telah diperkuatkan bagi *survival* mereka. Nilai-nilai masyarakat Melayu masih menekankan kepada lemah lembut dan sopan-santun – iaitu satu unsur nilai masyarakat tradisional.

Satu lagi nilai yang sama berat ditekankan oleh masyarakat Melayu, Cina dan India di Malaysia ialah jujur. Semua anggota masyarakat di negara ini menganggap sifat jujur sebagai suatu sifat yang mulia. Orang yang jujur adalah dianggap sebagai orang yang bermoral tinggi. Oleh sebab itu setiap masyarakat memang menghargai orang yang jujur dan sebaliknya mereka memandang rendah kepada ahli-ahlinya yang tidak jujur.

Berkait rapat dengan nilai kejujuran ini ialah sikap bertanggungjawab. Jelas diperhatikan sifat ini diberikan perhatian yang berat oleh masyarakat Malaysia samada dari golongan Melayu, Cina atau India. Memang tidak dinafikan setiap ahli dalam masyarakat itu wajib menunjukkan sikap bertanggungjawab kepada keluarganya, kerja, masyarakat dan kepada negara. Nilai ini adalah merupakan satu-satunya nilai asas (core value) yang memang dituntut oleh setiap masyarakat. Masyarakat yang tidak memberikan perhatian dan menekankan sifat tanggungjawab kepada anggotanya, akan hancurlah masyarakat itu.



Di sekolah, nilai-nilai asas seperti yang disebutkan di atas adalah disemaiakan kepada kanak-kanak. Secara tidak langsung sekolah bertanggungjawab menekankan nilai-nilai seumpama ini. Selain daripada sekolah, keluarga pula memainkan peranan yang penting untuk menanamkan nilai-nilai masyarakatnya. Nilai-nilai hidup dalam budaya masyarakat itu akan ditekankan. Dengan cara yang demikian, setiap masyarakat akan menunjukkan perbezaan nilai-nilainya.

Dalam masyarakat Melayu nilai yang berkaitan dengan moral seperti bertanggung-jawab, jujur dan taat-setia menduduki tempat yang di atas sekali kerana nilai-nilai ini berkait rapat dengan nilai agama yang digambarkan dengan keinginan mereka untuk hidup di dunia itu rendah. Ini bererti masyarakat Melayu tidak memandang tinggi kepada kekayaan dan kemewahan. Pendidikan yang dikaitkan dengan kepandaian dan kebijaksanaan juga menduduki tempat yang rendah dalam senarai nilai-nilai mereka. Nilai-nilai seperti ini adalah melambangkan nilai-nilai masyarakat Melayu tradisional. Masyarakat Melayu desa terutama sekali masih terus mengekalkan susunan nilai masyarakat yang seumpama ini. Namun demikian perubahan nilai-nilai juga berlaku di kalangan orang Melayu. Di sekolah mereka diperkenalkan juga dengan nilai-nilai masyarakat lain. Dalam kehidupan seharian mereka juga bertembung dengan kebudayaan asing yang mengamalkan nilai yang berbeza. Ini dapat digambarkan oleh orang-orang Melayu yang tinggal di bandar yang mula menyingkirkan semangat hidup beramah mesra tetapi sebaliknya lebih menghargakan kebebasan dan keindividualan.

Masyarakat Cina mula datang beramai-ramai ke Tanah Melayu di zaman penjajahan Inggeris. Kebanyakan daripada mereka bekerja di lombong-lombong bijih timah dan kemudian apabila bandar-bandar besar mula berkembang di negara ini, orang-orang Cina tinggal menetap di bandar-bandar dengan mengamalkan cara hidup di bandar. Perbincangan mengenai nilai masyarakat Cina ini bolehlah dikatakan perbincangan



mengenai nilai masyarakat Cina di bandar. Pada hari ini bilangan orang Cina yang tinggal di luar bandar amat kecil sekali.

Dalam kalangan orang Cina bandar, susunan nilai mereka ialah:

- (1) Pendidikan atau kebijaksanaan yang digambarkan dengan golongan elita terpelajar – (pegawai tadbir dan orang professional).
- (2) Kekayaan digambarkan oleh kedudukan perniagaan.
- (3) Kemewahan dilambangkan dengan pekerja-pekerja di bandar.
- (4) Kesenian dilambangkan dengan ahli-ahli seni.
- (5) Bekerja kuat dan berjimat cermat – dilambangkan sahaja golongan kebanyakan yang bercita-cita untuk menjadi pedagang dan mendapat kekayaan.

Orang Cina bukan sahaja mempunyai kesedaran yang tinggi pada kekayaan, tetapi juga menilai kepada darjah dan pendidikan. Tidak hairanlah kalau kita lihat sebahagian besar orang Cina berlumba-lumba untuk menuju ke arah ini. Satu hal yang terbit daripada nilai-nilai di atas ialah wujudnya nilai yang menghargai orang yang bercita-cita tinggi. Dari masa kanak-kanak lagi mereka disemai dengan semangat ini. Dalam aspek ini mereka dianggap sebagai anggota masyarakat yang berjiwa besar dan sentiasa bergerak. Bercita-cita tinggi ini adalah diarahkan kepada suatu matlamat iaitu untuk mencapai kekayaan di dunia dengan cara menyesuaikan diri kepada masyarakat.

Di negara ini pendidikan dan perdagangan merupakan dua cara yang boleh membawa seseorang itu untuk mencapai kekayaan dan kemewahan. Oleh sebab itu kedua-dua bidang inilah yang menjadi tumpuan mereka. Oleh kerana perdagangan merupakan bidang yang paling berjaya untuk mencapai kekayaan, ahli perdagangan mendapat tempat yang paling tinggi dalam masyarakat Cina. Di negara ini golongan profesional dan pegawai tadbir mendapat tempat yang tinggi kerana mereka mempunyai status sosial yang tinggi. Namun demikian, golongan yang celik seni yang bekerja sebagai kerani,



atau guru-guru yang mengajar anak-anak pedagang, adalah dianggap statusnya sama seperti golongan seni. Sementara golongan kebanyakan sebagai pekerja menduduki tempat yang paling rendah. Golongan yang terendah ini bercita-cita dalam hidupnya untuk menjadi pedagang dan di suatu masa nanti akan menjadi kaya. Untuk menjadi kaya mereka terpaksa bersusah payah dahulu, bekerja kuat dan hidup berjimat cermat untuk menjadi pedagang yang berjaya.

Orang India di satu pihak yang lain pula merupakan sebagai satu masyarakat yang menghargaiakan kesenian dan kebudayaan. Kehidupan mereka lebih mirip kepada kehidupan yang sederhana dan memberikan nilai yang tinggi kepada hidup beragama. Orang India yang tinggal di Malaysia masih banyak yang mengamalkan nilai-nilai masyarakat tani (peasant). Daripada senarai nilai-nilai penting masyarakat ini adalah seperti berikut:

- (1) Kebaikan
- (2) Kebendaan
- (3) Keseronokan
- (4) Pendidikan

Ketiga-tiga nilai yang terdahulu iaitu kebaikan, kebendaan dan keseronokan itu menunjukkan falsafah hidup mereka yang terjelma dalam agama Hindu. Sebagai satu masyarakat yang kuat pada agama mereka menilai tinggi kepada orang yang banyak membuat kebaikan. Kebaikan di dunia ini akan memberikan nilai kepada kebendaan di dunia. Hidup yang selesa di dunia melambangkan status seseorang. Di samping itu mereka juga hidup dengan mempunyai batas-batas untuk bergembira dan berehat.

Walaupun pada umumnya kedudukan nilai-nilai yang disebutkan di atas tadi dipegang oleh sesuatu masyarakat pada sesuatu ketika, namun begitu nilai-nilai itu tidak semestinya kekal terus menerus. Alam sekitar, keadaan sosio-ekonomi dan politik sedikit sebanyak mempengaruhi nilai-nilai. Masyarakat bandar contohnya menggambarkan nilai-nilai yang serupa



samada ianya masyarakat Melayu, Cina atau India. Bercita-cita tinggi dianggap nilai yang sama penting bagi setiap golongan masyarakat. Kejujuran, bertanggungjawab, taat setia, kekayaan dan kemewahan serta kesenangan hidup di dunia merupakan nilai yang sama penting dalam semua masyarakat. Susunan nilai ini adalah merupakan satu pengaruh baru yang dibawa masuk ke dalam masyarakat, terutama masyarakat di bandar.

## **NILAI-NILAI SEJAGAT**

Sekolah disamping memainkan peranan untuk menemukan nilai-nilai masyarakat sekitarnya. Ia juga menyampaikan nilai-nilai sejahtera. Sebahagian daripada nilai-nilai sejahtera yang sering diberi penekanan ialah berdikari, kebebasan dan daya pencapaian yang tinggi. Nilai-nilai sejahtera yang lain menepati masa (punctuality), menepati janji dan mempunyai keyakinan diri, sosiabiliti, bermoral, bertimbang rasa dan berkonformiti terhadap kumpulan.

### **Definisi Nilai**

Menurut Sabitha Marican(1994)(dalam eseи-eseи pentadbiran awam 2005) dalam mengkaji tingkahlaku dan hubungan manusia kerana ia merupakan asas untuk memahami sikap, tanggapan, personaliti, motivasi dan sebagainya.

Di sekolah pelajar-pelajar disemaikan perasaan kesedaran bahawa terdapat kerja-kerja yang perlu mereka lakukan sendiri tanpa pertolongan orang lain. Tanggungjawab seumpama ini disedari oleh pihak tertentu dan sebaliknya pihak ini juga mengharapkan perbuatan berdikari itu terus diamalkan oleh pihak-pihak lain.

Berkait rapat dengan berdikari ialah konsep (*self-reliant*) dipercayai/amanah dan menerima tanggungjawab sendiri. Di dalam keadaan tertentu seseorang itu boleh menerima



bantuan orang lain. Pelajar sekolah adalah terpisah dari ibu bapa yang sering membantu dan memberikan pertolongan. Sekolah cuba menekankan nilai untuk berdikari. Hukuman yang dikenakan kepada penipuan dan peperiksaan formal adalah sebahagian daripada aktiviti sekolah yang cuba disemaikan niai berdikari dan percaya pada diri sendiri.

Pelajar-pelajar menerima kesedaran bahawa mereka perlu menjalankan kerja-kerja dengan sebaik mungkin. Aktiviti pelajar akan dinilai dan prestasi pekerja akan dibandingkan dengan pelajar-pelajar lain. Pelajar-pelajar akan menyedari kebolehan mereka dalam menyempurnakan aktiviti-aktiviti mereka yang memerlukan kebolehan-kebolehan yang simbolik. Ukuran pencapaian ini bukan terhad kepada aktiviti-aktiviti di bilik darjah sahaja, tetapi juga di lapangan sukan, muzik, drama dan pelbagai kebolehan yang lain. Pelajar-pelajar akan bersungguh-sungguh untuk menunjukkan kebolehan mereka dalam lapangan ini. Sekolah akan menggalakkan pelajar-pelajar tadi.

Nilai sejagat antaranya ialah menepati masa (punctuality), mematuhi janji, mempercayai diri sendiri, sosiabiliti, bermoral, bertimbangrasa dan berkonformiti terhadap kumpulan lain.

### **Rumusan**

Masyarakat Malaysia yang terdiri dari tiga kumpulan yang besar Melayu, Cina dan India – mempunyai sistem nilai yang kompleks. Tiap-tiap masyarakat mengamalkan kebudayaan, nilai dan norma yang tersendiri. Prasanga sosial yang lahir dalam kalangan anggota masyarakat boleh menyulitkan interaksi sosial. Konsep 1 Malaysia yang diperkenalkan oleh YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia Ke 6, adalah langkah yang bertepatan dengan suasana dan citara rakyat Malaysia. Konsep ini selari dengan apa yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan dan prinsip-prinsip Rukun Negara. Konsep ini juga memperkenalkan konsep universal yang menjadi nilai asas setiap kaum dan etnik di Malaysia.

[ 11 ]



## Bahan Rujukan

1. Malaysia Kita. 2002. c.3. Kuala Lumpur International Law Book Series (ILBS)
2. Fahmi Hanafi & Mohd Jamani Demak (2006). Penghayatan Nilai-Nilai Murni Dalam Masyarakat Berbilang Kaum di Malaysia. (Kertas kerja dibentang dalam Seminar Pengajian Umum, 13-4 Jun 2006 John Baham)
3. Yusof Ismail, Khayati Ibrahim (2004) dasar-dasar kerajaan Malaysia : Tinjauan menyeluruh. kuala Lumpur : Penerbit A.S. Noordeen
4. Muhamad Ali Embi, Rozita Abdul Multalib 2006. Esei-Esei Pentadbiran Awam. Kuala Lumpur : Prentice Hall
5. Bahan Maklumat\_Konsep 1 Malaysia ( Rujukan Mengenai Lapan Nilai) [http://pmr.penerangan.gov.my/index.php?optioncum\\_content&view=articlesid=3633:konsep1malaysia&catid=361:bahanmaklumat\(2009\)](http://pmr.penerangan.gov.my/index.php?optioncum_content&view=articlesid=3633:konsep1malaysia&catid=361:bahanmaklumat(2009))
6. <http://eprints.um.edu.my/71/1/penghayatannilainilaimurnida-lammasyarakatberbilangkaumdimalaysia>